

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

KUTKM.02/10.12/2Jld. 2(30)

1 JULAI 2004

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2004

PELANTIKAN REKTOR KEDUA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada pengetahuan semua staf dan pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia berhubung pelantikan Yang Berbahagia Datuk Profesor Ismail bin Hassan sebagai Rektor Kedua Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi melalui surat rujukan KP.S(PT)7289 Jld. 2 () bertarikh 30 Jun 2004. Pelantikan Yang Berbahagia Datuk Rektor ini ialah untuk tempoh 3 tahun berkuatkuasa mulai 16 Jun 2004 hingga 15 Jun 2007. Pelantikan yang berkenaan juga adalah selaras dengan peruntukan seksyen 11 (1) Perlembagaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

2.0 Dengan pelantikan tersebut, seluruh warga KUTKM, khususnya staf dan para pelajar dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Yang Berbahagia Datuk Profesor Ismail bin Hassan untuk membolehkan beliau melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai Rektor.

3.0 Seluruh warga Universiti ingin mengucapkan tahniah diatas pelantikan Yang Berbahagia Datuk Rektor dan amat yakin dengan kepimpinan beliau KUTKM akan mencipta kecemerlangan dan keunggulan selaras dengan tujuan penubuhannya.

Sekian, terima kasih.

'KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN'

Saya yang menurut perintah



HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

/nem

sk YBhg. Datuk Rektor
Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)
Pegawai-pegawai Kanan / Dekan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar